

## **BAB DUA**

*INSTITUSI FATWA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM*

## BAB DUA

### INSTITUSI FATWA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

#### 2.0 Latar Belakang

Brunei adalah sebuah Negara Melayu yang bersultan sejak zaman dahulu lagi dan diperintah oleh raja-raja yang beragama Islam. Sultan Brunei yang pertama ialah Awang Alak Betatar. Setelah memeluk agama Islam baginda dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah (1363M -1402M).<sup>1</sup>

Menurut Adat Istiadat Brunei, Sultan adalah sebagai wakil rakyat yang mutlak dan turus tunggak negara serta menjadi lambang negara yang tertinggi dalam menguasai dan menjalankan pemerintahan negeri.<sup>2</sup>

Pada awal pemerintahan Awang Alak Betatar, Brunei adalah sebuah negeri dibawah kekuasaan Majapahit. Apabila Kerajaan Majapahit dalam keadaan lemah khasnya sesudah mangkatnya Hajam Worok (T.M 1350-1389), Awang Alak Betatar telah memasyhurkan kemerdekaan Brunei sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Pemasyhuran kemerdekaan Brunei dibuat oleh Awang Alak Betatar pada awal kurun Mesihi Ke 15.<sup>3</sup>

Pemerintahan tradisi Kesultanan Melayu Brunei adalah didasarkan kepada empat unsur iaitu:

- i- Kanun
- ii- Syarak
- iii- Adat Istiadat
- iv- Resam

“Kanun” ialah merujuk kepada “Hukum Kanun Brunei” yang dikatakan telah wujud sebelum Sultan Hassan, Sultan yang ke-9 (1582-1598) dan disempurnakan oleh baginda. “Syarak” ialah merujuk kepada ajaran-ajaran agama Islam. “Adat Istiadat” adalah merujuk kepada Adat Istiadat Brunei yang purba kala yang berkaitan dengan sultan dan adat istiadat yang terpakai di kalangan pembesar-pembesar di Brunei, serta adat terpakai dan diterima oleh masyarakat Brunei. Manakala “Resam” adalah merujuk kepada perkara-perkara yang di luar daripada adat istiadat atau adat yang diadatkan, seperti resam di kalangan puak-puak tertentu dengan mengadakan sesuatu denda terhadap satu-satu kesalahan yang tertentu, dan resam itu termasuk juga seperti kata bidalan “Kalah adat oleh muafakat”.<sup>4</sup>

Kuasa tertinggi Kerajaan Brunei, turun temurun, adalah berada di tangan sultan sejak Sultan Brunei pertama, Sultan Muhammad Shah (1363-1402) hingga sekarang iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (1967 hingga sekarang) Sultan Brunei Ke-29. Keadaan ini berkekalan termasuk ketika Brunei dibawah naungan British. (1906-1983).<sup>5</sup>

## **2.1 Peranan Pemerintah Dalam Mengembangkan Islam**

Kebijaksanaan raja yang memerintah Negara Brunei Darussalam dalam menggunakan kuasa yang dimilikinya merupakan faktor utama yang menyebabkan Islam berkembang di Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan raja-raja dalam mendaulatkan Islam itu terlaksana secara berterusan dan melalui peringkat-peringkatnya. Antaranya:

### **i. Mendirikan Masjid.**

Sultan Syarif Ali, Sultan Brunei ke-3, adalah seorang raja yang mempunyai perancangan teratur dalam mengembangkan syiar agama Islam. Baginda terkenal dengan ketegasan dalam menjalankan urusan agama. Ketegasan dan kegigihan baginda dalam menegakkan syari'at Islam menyebabkan baginda dipanggil sebagai Paduka Seri Sultan Berkat. Antara usaha terbesar yang baginda sumbangkan ialah mendirikan masjid-masjid. Ajaran Islam dapat dikembangkan melalui masjid-masjid berkenaan.<sup>6</sup>

Masjid-masjid terus didirikan oleh pihak kerajaan hingga ke hari ini dikawasan bandar dan kampung-kampung. Dalam usaha menyemarakkan syiar masjid, di zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Omar Ali Saifuddin Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke-28, sebuah masjid utama telah didirikan di Bandar Seri Begawan, yang dinamakan Masjid Omar Ali Saifuddien. Masjid tersebut merupakan masjid utama negara dan yang terindah di Asia Tenggara. Setelah mengetahui dan memahami kelebihan mendirikan masjid dan peranannya dalam mengukuhkan kedudukan agama Islam, usaha baginda diikuti oleh anakandanya, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda telah membelanjakan wang peribadi baginda untuk mendirikan sebuah masjid, yang lengkap dengan peralatan moden dan terkini, untuk dijadikan wakaf kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Masjid ini dikenali dengan nama Jami‘ ‘Asr Hasanil Bolqiyah, terletak di Kampong Kiulap.<sup>7</sup>

## **ii. Pembentukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam.**

Bermula tahun 1906 hingga wujudnya Perlembagaan Brunei 1959, ada 4 buah Undang-Undang Mengenai Pentadbiran Ugama Islam diperkenalkan di Brunei iaitu:

- a. **Muhammedan Law, 1912.**

Undang-undang ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 1912 yang mengandungi 18 bab. Ia memperuntukkan keseksian bagi beberapa kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam.

b. **Muhammedan Marriage and Divorce 1913.**

Undang-undang ini berkuatkuasa pada 1 Ogos 1913 yang mengandungi 7 bab dan 4 Jadual. Undang-undang ini membuat peruntukkan bagi pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam.

c. **Court Enactment 1951 (bahagian III, dari Bab 13-18)**

Undang-undang ini berkuatkuasa pada 1 Mei 1952 yang mengandungi 6 bahagian dan 29 bab. Undang-undang ini bertujuan untuk meminda undang-undang yang lama yang berhubung dengan penubuhan dan kuasa-kuasa mahkamah-mahkamah awam dan jenayah.

d. **Undang-Undang No.20 Tahun 1955.**

Undang-undang ini digelarkan Undang-Undang Ugama, ‘Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi, 1955. Ia berkuatkuasa pada 1 Januari 1956, mempunyai 10 bahagian, 204 bab dan 9 Jadual. Undang-undang ini diperkenalkan untuk menyatukan undang-undang berkenaan dengan Majlis Ugama dan Undang-Undang ‘Adat Istiadat Melayu, Mahkamah Kadhi,

Perlembagaan dan Pertubuhan pihak-pihak yang berkuasa Agama dan Peraturan hal ehwal agama.<sup>8</sup>

### **iii. Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959.**

Kedudukan agama Islam di Negara Brunei Darussalam menjadi lebih mantap dengan termeterainya “Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei” pada tahun 1959. Perjanjian perlembagaan tersebut ditandatangani oleh Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien bagi pihak Negeri Brunei dan Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott, Pesuruhjaya Agung British bagi Asia Tenggara, bagi pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Queen Elizabeth II di Lapau, Bandar Seri Begawan, Brunei, pada 29 September 1959.<sup>9</sup>

Baginda telah meletakkan Agama Islam sebagai agama rasmi negara seperti yang termaktub dalam perlembagaan tersebut:

*“Agama rasmi bagi negeri ialah Agama Islam menurut Ahli Sunnah Wa al-Jamaah, tetapi ugama-ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya”<sup>10</sup>*

Di ceraian (2) dalam bab tersebut juga menegaskan bahawa Ketua Ugama negeri ialah Sultan. Manakala ceraian (3) dari bab yang sama menyatakan:

*“Pegawai yang kanan sekali yang bertanggungjawab kepada Sultan berkenaan dengan ugama ialah Pengetua Ugama”.*

Dalam bab 4 (1) dari Perlembagaan tersebut pula memperuntukkan bahawa pemegang kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negeri Brunei adalah terletak di dalam tangan Sultan.

Ini bermakna bahawa hubungan antara kedua-dua bab di atas adalah suatu kekuatan kepada kedudukan Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Lebih-lebih lagi dengan adanya peruntukkan bab 4 (5) yang mensyaratkan bahawa tiada sesiapa pun boleh dilantik menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan, melainkan orang Melayu yang beragama Islam mengikut mazhab Syafii' Ahli Sunnah Wa al-Jamaah.<sup>11</sup>

Sebagai tindakan lanjutan pada mengabadikan warisan sejarah Kesultanan Melayu Brunei yang bersendikan ajaran-ajaran Islam itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Pengisytiharan Kemerdekaan, pada 1 Januari 1984, menetapkan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah Negara Melayu Islam Beraja buat selama-lamanya.<sup>12</sup>

#### iv. Perlantikan Manteri-Manteri Ugama.

Dalam usaha mengukuhkan Islam di Brunei, pemerintah telah meletakkan tanggungjawab mengenai perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam dipegang oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Sebagai contoh “Pengetua Tertinggi” dalam hal ehwal agama Islam adalah dipegang oleh wazir yang kanan iaitu Pengiran Bendahara. Manakala pembantu yang paling kanan dalam hal ehwal agama Islam ialah salah seorang Cheteria Empat iaitu Pengiran Paduka Tuan.<sup>13</sup>

Penyusunan Manteri-Manteri Ugama turut memainkan peranan dalam pentadbiran agama Islam di Brunei. Manteri-manteri berkenaan adalah seperti berikut:

- a) Kepala Manteri Ugama iaitu Pehin Datu Seri Maharaja.
- b) Manteri-Manteri Ugama Kanan iaitu:
  - i- Pehin Si-Raja Khatib
  - ii- Pehin Datu Imam
  - iii- Pehin Tuan Imam
  - iv- Pehin Udana Khatib
- c) Manteri Ugama (Biasa) iaitu Pehin Khatib.

Di bawah manteri-manteri tersebut dilantik lagi Pegawai Ugama iaitu Mudim. Gelaran Manteri-Manteri Ugama ini telah wujud sejak zaman pemerintahan Sultan Saiful Rijal, Sultan Brunei ke-7 (1575-1600).<sup>14</sup>

Manteri-manteri ini mempunyai kewajipan-kewajipan yang tertentu dalam perkara berkaitan dengan hal ehwal agama mengikut gelaran mereka. Tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut:

i. Pehin Datu Seri Maharaja bertanggungjawab menjadi:

- Pengawas hal ehwal agama Islam.
- Pengawas perjalanan hukum agama Islam.
- Hakim besar bagi hal ehwal yang berkaitan dengan hukum syarak.

ii. Pehin Siraja Khatib bertanggungjawab menjadi:

- Hakim bagi hal ehwal yang berkaitan dengan hukum syarak.
- Imam masjid.
- Khatib (pembaca khutbah) pada Hari Raya Fitrah, jika Sultan hadir.

iii- Pehin Datu Imam bertanggungjawab menjadi:

- Imam masjid.
- Pengawas hal ehwal masjid.

iv. Pehin Tuan Imam bertanggungjawab menjadi:

- Imam masjid.
- Pengawas hal ehwal masjid.

v. Pehin Udana Khatib bertanggungjawab menjadi:

- Imam masjid.
- Khatib pada Hari Raya Haji, jika Sultan hadir.
- Ketua pehin-pehin khatib.

vi. Pehin Khatib bertanggungjawab menjadi:

- Khatib tiap-tiap hari Jumaat.
- Imam masjid pada tiap-tiap waktu bergilir-gilir.

vii. Pegawai ugama (Mudim) bertanggungjawab:

- Azan di masjid pada tiap-tiap hari Jumaat dan tiap-tiap waktu sembahyang bergilir-gilir.
- Menjalankan hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam yang diadakan di istana dan di rumah-rumah wazir dan cheteria-cheteria.<sup>15</sup>

Selain dari berperanan dalam urusan yang berkaitan dengan kepentingan agama Islam, manteri-manteri tersebut terlibat dalam urusan pentadbiran Negara Brunei Darussalam.

Di zaman pemerintahan Sultan Aliuddin, Sultan Brunei ke-17 (1730-1745), Datu Imam Yakob adalah merupakan seorang “Sejarawan Diraja” penulis “Silsilah Raja-Raja Berunai” atas titah baginda Sultan. Kemudian tulisannya disambung oleh Pehin Khatib Haji Abdul Latif pada tahun 1807, dan disalin semula oleh Pehin Datu Imam Aminiddin pada tahun 1841.<sup>16</sup>

Manteri-Manteri Ugama terus berperanan dalam pemerintahan Brunei termasuk ketika Brunei di bawah naungan British. Pada tahun 1907, Pehin Tuan Imam Haji Mohidin bin Nakhoda Jambul, telah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Brunei. Beliau menjadi ahli Majlis tersebut dari 1907 hingga 1915. Selepas itu, lantikan dibuat terhadap Pehin Khatib Abdul Razak (telah dinaikkan pangkat menjadi Pehin Siraja Khatib pada 1919) dari 1915 hingga 1939. Pehin Datu Imam Haji Abd Mokti bin Haji Nasar dari 1920 hingga 1927.<sup>17</sup>

Dalam pemerintahan Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sekarang, Manteri-Manteri Ugama masih mendapat tempat dalam urusan pentadbiran Negara Brunei Darussalam. Antaranya ialah YDM Lagi Dihormati, Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd Aziz bin Juned, selain dari memegang jawatan Mufti Kerajaan, beliau menjadi Ahli Mesyuarat Mengangkat Raja (sejak 1978), Ahli Majlis Mesyuarat Diraja (sejak 17 April 1984) dan lain-lain. YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim sekarang memegang jawatan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama. YDM Pehin Udana

Khatib Ustaz Haji Awang Badarudin bin Pengarah Haji Othman memegang jawatan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri. YDM Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abd Hamid bin Bakal memegang Kadi Besar Negara Brunei Darussalam ( telah bersara pada 31 Disember 1994).

Penyerahan jawatan-jawatan pentadbiran kepada Manteri-Manteri Ugama seperti di atas, adalah menggambarkan antara usaha pihak pemerintah dalam mengukuhkan kedudukan agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

#### v. Pembentukan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei

Di zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, baginda telah berkenan menubuhkan “**Majlis Mesyuarat Syari‘ah**”. Majlis tersebut dipengerusikan oleh baginda sendiri. Manakala Timbalan Pengerusinya ialah Almarhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Muhammad Alam dan sembilan orang lagi yang lain dilantik menjadi ahli.<sup>18</sup>

Antara peranan penting yang dihasratkan oleh baginda dari pembentukan Majlis tersebut, selain dari menimbangkan hal-hal hukum agama, ialah memperbaiki perjalanan agama Islam, mengkaji benar-benar serta menghalusi hukum-hukum agama Islam dan mengembangkan dasar-dasar dan ajaran-ajaran Islam, bagi memajukan serta mempertahankan kedaulatan agama Islam.<sup>19</sup>

Hasil daripada penubuhan Majlis Mesyuarat Syari'ah berkenaan, maka pada 1 Julai 1954 tertubuhlah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Seterusnya diikuti dengan pembentukan Majlis Ugama Islam Brunei pada tahun 1955.<sup>20</sup>

Di awal penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama, ia disatukan dengan Jabatan Adat Istiadat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Hal Ehwal Ugama, ditempatkan dalam dua bilik di Bangunan Jabatan Kerajaan yang digelar Jabatan Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Masyarakat, yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Haji Muhammad Alam selaku ketua Adat Istiadat dan Ugama.<sup>21</sup>

Pada 1 Mei 1960, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah dipisahkan menjadi sebuah jabatan yang berasingan dengan nama Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Jabatan tersebut diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Pengiran Haji Ali, manakala Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan Masyarakat diketuai oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Haji Muhammad Alam.<sup>22</sup>

Susulan dari pemisahan itu, struktur pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei turut berubah. Ketua Agama dipegang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kemudian pegawai kanan sekali yang bertanggungjawab kepada Sultan dalam hal ehwal agama Islam ialah Pengetua Jabatan Hal Ehwal Ugama yang juga berkait rapat

dengan Majlis Ugama Islam Brunei. Beliau juga menjadi ahli kepada Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri.<sup>23</sup>

Jabatan Hal Ehwel Ugama Brunei terdiri daripada tujuh bahagian utama iaitu:

- 1- Bahagian Mufti
- 2- Bahagian Majlis Ugama Islam
- 3- Bahagian Kadhi
- 4- Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan
- 5- Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan
- 6- Bahagian Pelajaran Agama
- 7- Bahagian Penerangan dan Tabligh

Pada 16 Safar 1407 bersamaan 21 Oktober 1986, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kenaikan taraf Jabatan Hal Ehwel Ugama Brunei menjadi sebuah kementerian dalam kerajaan baginda. Dengan kenaikan taraf berkenaan Jabatan Hal Ehwel Ugama menjadi Kementerian Hal Ehwel Ugama, Negara Brunei Darussalam. Kementerian tersebut diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin,<sup>24</sup> selaku Menteri Hal Ehwel Ugama. Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Awang Yahya bin Haji Ibrahim selaku Timbalan Menteri dan Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Abdul Saman bin Kahar menjadi Setiausaha Tetap.<sup>25</sup>

Susunan pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama terdiri dari lima buah jabatan iaitu:

- i. Jabatan Pentadbiran.
- ii. Jabatan Hal Ehwal Syariah.
- iii. Jabatan Pengajian Islam.
- iv. Jabatan Urusan Haji dan Perhubungan Muslimin.
- v. Pusat Da‘wah Islamiyyah.<sup>26</sup>

Dengan pembentukan jabatan-jabatan di atas, Bahagian Fatwa telah diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah.<sup>27</sup>

## **2.2 Penubuhan Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam**

1 April 1962 adalah merupakan tarikh mula tertubuhnya institusi fatwa di Negara Brunei Darusalam iaitu dengan terlantiknya Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz menjadi Mufti Kerajaan Brunei. Perlantikan tersebut adalah atas keprihatinan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa‘adul Khairi Waddien, Sultan Negeri Brunei ke dua puluh lapan, terhadap kepentingan masa depan kedudukan Islam di

Negara Brunei Darussalam. Ini terbukti melalui warkah baginda kepada Menteri Besar pada 24 Januari 1961, yang menyatakan:

*"Amatlah susah bagi yang sudah kita telah alami, jika terbit satu masalah yang bersabit dengan agama Islam, jika sebuah negara Islam yang merasmikan agama Islam yang diakui suci tidak mempunyai seorang ulama yang benar-benar akan bertugas memberatkan atau mengambil berat sama ada dalam memberi fatwa-fatwa dan menghuraikan peraturan dan hukum-hukum dan lain untuk kesentosaan rakyat umat Brunei dan negeri itu.<sup>28</sup>*

Sebelum Negara Brunei Darussalam mempunyai Mufti, persoalan-persoalan yang berhubung kait dengan hukum-hakam dirujukkan kepada tokoh-tokoh agama seperti manteri-manteri ugama, guru-guru agama, imam-imam dan pegawai-pegawai masjid.

Di awal penubuhan institusi fatwa di-Negara Brunei Darussalam, Pejabat Mufti Kerajaan hanyalah merupakan salah satu bahagian dari Jabatan Hal Ehwal Ugama. Ia dikenali sebagai Pejabat Mufti Kerajaan. Setelah Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaikkan tarafnya menjadi sebuah kementerian pada 21 Oktober 1986 Pejabat Mufti diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

### **2.3 Pembentukan Jabatan Mufti Kerajaan**

Pada 7 November 1994 dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan

Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan. Dengan penubuhan itu, Jabatan Mufti Kerajaan tidak lagi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi menjadi sebuah jabatan berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Mufti Kerajaan adalah bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyembahkan apa juga perkara berkaitan dengan tugas-tugas sebagai Mufti Kerajaan.<sup>29</sup>

Penubuhan ini sangat bermakna kepada kedaulatan dan status Islam di Negara Brunei Darussalam kerana ia diletakkan di posisi yang sangat kukuh dan kuat. Dengan kedudukan institusi fatwa yang tinggi itu akan dapat memainkan peranan dalam mengukuhkan posisi dan status fatwa, yang sudah sepatutnya menjadi pegangan dan panduan umat Islam, dan sekaligus meletakkan martabat agama Islam diposisi yang sebenar.

#### **2.4 Misi Jabatan Jabatan Mufti Kerajaan**

Berikutan pengisytiharan tersebut, Jabatan Mufti Kerajaan telah menentukan misinya iaitu:

- i. Sebagai institusi yang mengeluarkan fatwa dan Irsyad (Paduan dan bimbingan).

- ii. Menjadi institusi yang mengumpul, mengeluarkan dan menyebar ilmu pengetahuan Islam.

## 2.5 Organisasi Jabatan Mufti Kerajaan

Sebelum menjadi sebuah jabatan, bahagian fatwa diketuai oleh Mufti Kerajaan dan dibantu oleh beberapa orang kerani. Pada 1 Januari 1989 terdapat sedikit perubahan dengan perlantikan Timbalan Mufti Kerajaan yang ketika itu disandang oleh Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned. Setelah pembentukan Jabatan Mufti Kerajaan, struktur jabatan tersebut telah disusun semula. Sebagai sebuah organisasi, Jabatan Mufti Kerajaan diketuai oleh Mufti Kerajaan Brunei dan dibantu oleh Timbalan Mufti Kerajaan. Manakala urusan pentadbiran jabatan diketuai oleh Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan. Ketiga-tiga kuasa atas ini berfungsi sebagai satu pasukan (team) merangka, mangawal dasar dan polisi serta matlamat Jabatan Mufti Kerajaan.

Dalam usaha meluaskan peranan Jabatan Mufti Kerajaan, khususnya dalam memberi kefahaman dan meningkatkan amalan beragama, fungsi kerja jabatan tersebut digerakkan melalui dua bahagian utama iaitu Hal Ehwal Fatwa dan Hal Ehwal Pentadbiran. Bahagian Hal Ehwal Fatwa mengandungi tiga bahagian besar iaitu:

- i. Iftā'.

ii. Buhūth dan Irsyād.

iii. Tasyri<sup>i</sup>.

Ketua ketiga-tiga bahagian ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai yang bertaraf pakar. Manakala Bahagian Hal Ehwal Pentadbiran mengandungi bahagian-bahagian yang terdiri dari:

i. Urusetia Fatwa.

ii. Qismul Hikmah.

iii. Penerbitan dan Penerangan.

iv. Perancangan dan Kewangan.

v. Kakitangan dan Perkhidmatan.

Memandangkan bilangan kakitangan yang ada sekarang adalah terhad maka lapan bahagian tersebut di atas belum berfungsi sepenuhnya. Untuk sementara ia dijalankan secara kumpulan seperti berikut:


i- Urusetia Fatwa disatukan dengan kakitangan dan perkhidmatan.

ii- Penerbitan dan Penerangan.

iii- Perancangan dan Kewangan disatukan dengan Qismulhikmah.

iv- Iftā' disatukan dengan Buhūth dan Irsyād dan Tasyri<sup>i</sup>.

Berikut dipaparkan gambar rajah organisasi Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.



## 2.6 Pembahagian Kerja

Pembahagian kerja kepada bahagian-bahagian di atas telah diaturkan seperti berikut:

### I. Urusetia Fatwa:

Menjalankan kerja urusetia melalui Unit Khidmat Iftā' dan Unit Khidmat Buhūth,

Irsyād dan Tasyri' bagi bidang-bidang berikut:

- a- Arkib dan Dokumentasi
- b- Kataloging dan Failing
- c- Fieldworks
- d- Kemudahan kepada penyelidikan
- e- Penyusunan bahan dan program penyebaran fatwa dan irsyād
- f- Penjadualan aktiviti hal ehwal fatwa

### II. Kakitangan dan Perkhidmatan:

Menjalankan kerja-kerja:

a- Lantikan dan kenaikan pangkat, disiplin dan kebajikan

Sistem Failing, persuratan dan rampaian (Pemeliharaan, tetamu, perumahan, peralatan dan sebagainya)

- c- Hal ehwal khas
- d- Program perkembangan organisasi

### **III. Penerbitan dan Penerangan:**

Menjalankan kerja-kerja:

- a- Program penerbitan (fatwa, irsyād hukum, kitab-kitab terjemahan dan maklumat-maklumat Islam yang berkaitan dengannya)
- b- Perhubungan Awam
- c- Media Penyebaran
- d- Hal ehwal protokol
- e- Forum dan mesyuarat

### **IV. Qismul Hikmah, Perancangan dan Kewangan:**

Menjalankan kerja-kerja:

- a- Koleksi kitab dan maklumat Islam
- b- Kemudahan dan perkhidmatan kajian dan rujukan
- c- Projek penterjemahan kitab-kitab ugama yang muktabar dan seumpamanya
- d- Sistem maklumat Islam
- e- Projek-projek tahunan dan kemajuan
- f- Peruntukan dan mengawal perbelanjaan

g- Skim Tarbiah Ulama dan latihan kakitangan

h- Prestasi

#### **V. Iftā', Buhūth dan Irsyād:**

Menjalankan kerja-kerja:

a- Istinbat

b- Penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersumberkan hukum-hukum Islam

c- Panduan dan bimbingan hukum

d- Hubungan kerjasama dengan institusi-institusi kajian dan fatwa dalam dan luar negara.

#### **VI. Tasyri' :**

Bahagian ini menjalankan kerja perundangan yang meliputi:

a- Menjalankan penyelidikan undang-undang, kearah pembaikan bagi faedah negara dan umat Islam

b- Membantu mana-mana pihak dalam mendraf *legal text* berbangkit dari pandangan Mufti Kerajaan supaya sesuatu perkara itu ditangani mengikut atau tidak bertentangan dengan syarak dan pihak berkenaan memutuskan untuk memasukkannya ke dalam undang-undang atau peraturan yang ditadbirnya.

Dalam menjalankan tugasnya, bahagian ini berhubung rapat dengan bahagian Iftā', Buhūth dan Irsyād.

## 2.7 Akta Mengenai Mufti Dan Fatwa

Walaupun penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan telah diisytiharkan pada 7 November 1994, namun hingga sekarang belum ada dibuat undang-undang tubuh yang baru atau pindaan undang-undang mengenainya khasnya berhubung dengan mufti dan fatwa. Maka akta yang mengawal hal ehwal yang berkaitan dengan mufti dan fatwa di Negara Brunei Darussalam ialah akta yang berkuatkuasa sebelumnya iaitu **Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 semakan 1984** (Sila lihat lampiran A). Sebelumnya akta ini digelar Undang-Undang No.20 Tahun 1955.

## 2.8 Perlantikan Mufti

Perlantikan Mufti Kerajaan di Negara Brunei Darussalam adalah menurut kehendak bab 40 (1) dari Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

*"40 (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh dengan pemberitahuan yang ditunjukkan dalam Warta Kerajaan melantik sesiapa saja yang sesuai untuk menjadi Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan boleh pada bila-bila masa membatalkan mana-mana lantikan tersebut"*

Namun dalam akta berkenaan tidak menjelaskan cara pemilihan mufti berkenaan. Selain itu, akta ini tidak menjelaskan kedudukan Timbalan Mufti Kerajaan dan perlantikannya, seperti mana lantikan Timbalan Kadi Besar, sedangkan jawatan tersebut wujud dalam struktur pentadbiran awam kerajaan. Keadaan seumpama ini banyak mendatangkan halangan terhadap kerja-kerja pengeluaran fatwa khasnya apabila Mufti Kerajaan tidak berada dalam negara. Fatwa tidak boleh dikeluarkan melainkan oleh Mufti Kerajaan.

## **2.9 Tugas-Tugas Mufti Kerajaan**

Selain daripada memegang jawatan Mufti Kerajaan, mufti bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas lain yang diperuntukan oleh akta yang sama. Tugas-tugas itu ialah:

### **i. Menjadi Ahli Majlis Ugama Islam.**

Mufti adalah menjadi ahli Majlis Ugama Islam kerana jawatannya dan tidak tertakluk kepada syarat-syarat dari ceraian (2) dan bab 13, bab 15 dan 16.<sup>30</sup>

## **ii. Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang.**

Jawatankuasa Undang-Undang bagi Majlis Ugama Islam adalah terdiri daripada Mufti, tidak kurang daripada dua ahli lain dari Majlis, dan tidak kurang daripada enam orang lain sama ada dari Ahli Majlis ataupun tidak. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut, selain daripada Mufti adalah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi suatu tempoh yang Baginda fikirkan patut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada bila-bila masa boleh membatalkan mana-mana lantikan tersebut. Notis bagi setiap lantikan tersebut hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*. Manakala Mufti adalah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang berkenaan. Semasa ketiadaannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang penggerusi untuk menjalankan tugas tersebut.<sup>31</sup>

## **iii. Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman.**

Jawatankuasa Kehakiman Majlis Ugama Islam adalah terdiri daripada Mufti Kerajaan sebagai Pengerusi, dua orang ahli tetap dan sebarang bilangan ahli tambahan. Ahli jawatankuasa ini (selain daripada Mufti Kerajaan) adalah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam mengikut kehendak bab 44 dari akta yang sama. Dalam hal ini Kadi tidak boleh menjadi ahli Jawatankuasa Kehakiman.<sup>32</sup>

## 2.10 Mufti-Mufti Kerajaan

Mufti pertama yang dilantik menurut kehendak undang-undang ini ialah Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz,<sup>33</sup> seorang pegawai pinjaman dari Johor. Lantikan tersebut bagi tempoh tiga tahun (Sehingga 31 Mac 1965) kerana Awang Haji Ismail adalah pegawai yang dipinjamkan oleh Kerajaan Johor berdasarkan persetujuan awal di antara al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dengan al-Marhum Sultan Ismail ibni al-Marhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor.<sup>34</sup>

Dengan tamatnya tempoh lantikan tersebut, jawatan ini kembali kosong sehingga beliau dilantik semula menjadi Mufti Kerajaan Brunei pada 8 Mac 1967 setelah beliau bersara dari perkhidmatannya dengan Kerajaan Johor pada 1 Januari 1967. Jawatan tersebut beliau pegang sehingga beliau meninggal dunia pada 3 Februari 1993.

Pada 1 September 1994, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah dilantik menjadi Mufti Kerajaan. Setelah memegang jawatan Mufti Kerajaan, beliau dinaikkan gelaran menjadi Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned pada 9 Mei 1996. Dengan lantikan di atas, jawatan Timbalan Mufti Kerajaan disandang oleh Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohidin.<sup>35</sup>

## 2.11 Rumusan

Dari sejarah perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam, jelas menggambarkan bahawa komitmen dan kesungguhan raja adalah faktor utama dalam mengangkat martabat agama Islam ketempat yang sewajarnya. Agama Islam dikembangkan melalui sistem pentadbiran negara termasuklah sistem perundangannya. Dalam Perlembagaan Bertulis Negara Brunei Darussalam 1959, telah ditetapkan bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara. Kedudukan agama Islam lebih kukuh apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menetapkan bahawa Negara Brunei adalah kekal untuk selama-lamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Penubuhan institusi fatwa adalah antara usaha dalam menjana keutuhan Islam Di Negara Brunei Darussalam. Kerajaan mula membentuk institusi fatwanya pada 1 April 1962 iaitu zaman pemerintahan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei ke dua puluh lapan. Penubuhannya adalah dikawal sepenuhnya oleh pihak kerajaan mengikut Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 yang ketika itu digelar Undang-Undang No.20 Tahun 1955. Mufti yang pertama dilantik ialah Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Dengan terbentuknya institusi fatwa segala permasalahan yang berkaitan dengan agama Islam dapat ditangani dengan teratur dan sempurna. Sama ada permasalahan tersebut berhubung kait dengan urusan negara ataupun kemosykilan-kemosykilan yang

dihadapi oleh masyarakat. Sejak penubuhannya, institusi fatwa berkenaan telah mengalami tiga peringkat penyesuaian dari segi pentadbiran iaitu:

- i- Sebagai satu bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.
- ii- Sebagai satu bahagian dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei.
- iii- Sebagai sebuah Jabatan secara berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan menetapkan Mufti Kerajaan bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, pada menyembahkan apa juga perkara berkaitan dengan tugas-tugasnya sebagai Mufti Kerajaan tanpa melalui mana-mana pihak.

Berikutan penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan, satu struktur baru terhadap organisasi jabatan berkenaan telah disusun. Jabatan Mufti Kerajaan, sebagai sebuah institusi fatwa, adalah diketuai oleh Mufti Kerajaan. Seterusnya Mufti Kerajaan adalah dibantu oleh Timbalan Mufti Kerajaan dan Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan. Fungsi jabatan dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian Fatwa dan Bahagian Pentadbiran. Kedua-dua bahagian ini mempunyai lapan bahagian yang berfungsi dibawahnya. Tiga di Bahagian Fatwa iaitu:

- i. Iftā'.
- ii. Buhuth dan Irsyad.

iii. Tasyri<sup>4</sup>.

Manakala lima darinya adalah berfungsi dibawah Bahagian Pentadbiran, iaitu:

- i. Urusetia Fatwa.
- ii. Qismul Hikmah.
- iii. Penerbitan dan Penerangan.
- iv. Perancangan dan Kewangan.
- v. Kakitangan dan Perkhidmatan.

Akta yang berkuatkuasa mengawal hal ehwal mufti dan fatwa di Negara Brunei Darussalam ialah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 semakan 1984. Mufti Kerajaan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menurut kehendak bab 40 (1) dari akta berkenaan. Walau bagaimanapun dalam akta tersebut tidak ada penjelasan tentang prosedur khas dalam pemilihan orang yang akan dilantik menjadi Mufti Kerajaan. Dengan memegang jawatan Mufti Kerajaan, dengan sendirinya Mufti Kerajaan adalah menjadi ahli Majlis Ugama Islam, Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang dan Pengerusi Jawatankuasa Kehakiman.

Walaupun jawatan Timbalan Mufti Kerajaan diwujudkan dalam struktur Perkhidmatan Awam tetapi tidak ada kuasa undang-undang yang membolehkan Timbalan Mufti Kerajaan menjalankan tugas-tugas Mufti Kerajaan khasnya dalam

pengeluaran fatwa ketika Mufti Kerajaan tidak berada dalam negara atau bercuti. Lebih-lebih lagi apabila jawatan tersebut dikosongkan. Hal seumpama ini menyebabkan urusan pengeluaran fatwa tergendala.

## RUJUKAN

- <sup>1</sup> P.L Amin Sweeney, *Silsilah Raja-Raja Berunai* dlm. JMBRAS, Vol 41, Pt.2 (1968), hlm 11
- <sup>2</sup> PJLPR DSU Dr. Ustaz Hj Awg Mohd. Zain bin Hj Serudin, *Brunei Sebuah Negara Islam: Latar Belakang Keislaman*, Brunei, 1996, hlm 181.
- <sup>3</sup> *Ibid*, hlm 178.
- <sup>4</sup> PSN Pg. Hj Mohd Yusof bin Pg. Hj Abdul Rahim, *Adat Istiadat Brunei*, dalam buku *Intisari Kebudayaan Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1988, hlm 24.
- <sup>5</sup> PJLPR DSU Dr. Ustaz Hj Awg Mohd. Zain bin Hj Serudin, *Op. Cit*, hlm 192.
- <sup>6</sup> P.L Amin Sweeney, *Op. Cit*, hlm 11.
- <sup>7</sup> Kampong Kiulap terletak lebih kurang  $\frac{3}{4}$  km dari Bandar Seri Begawan.
- <sup>8</sup> PJLPR DSU Dr. Ustaz Hj Awg Mohd. Zain bin Hj Serudin, *Op. Cit*. hlm 196.
- <sup>9</sup> POKAD DSU Dr. Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri, *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Pusat Sejarah, Brunei, 1992, hlm 84 - 85.
- <sup>10</sup> Bahagian II, di bawah tajuk "Ugama", perkara 3 (1) dari *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*. Setelah penyemakan semula, perkara tersebut ditetapkan kepada:  
*"The religion of Brunei Darussalam shall be the Muslim Religion according to the shafeite sect of that religion:*  
*Provided that all other religion may be practised in peace and harmony by the person professing them in any part of Brunei Darussalam."* The Constitution of Brunei Darussalam, Vol. 1, bab 3 (1).
- <sup>11</sup> Bahagian III, di bawah tajuk "Kuasa Memerintah", perkara 4 dari *Perlembagaan Negeri Brunei 1959*.
- <sup>12</sup> Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pemasyhuran Kemerdekaan pada awal pagi 1 Januari 1984, di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, BSB, Brunei.
- <sup>13</sup> PJLPR DSU Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, *Op. Cit*, hlm 193. Cheteria Empat ialah orang yang bertanggongjawab membantu Sultan dalam menjalankan tugas negara selepas wazir-wazir. Menurut susunan Adat Istiadat Brunei, di bawah Cheteria Empat terdapat lapan orang cheteria

---

Besar, enam belas orang Cheteria Pengalasan, Tiga puluh dua orang Cheteria Damit dan seterusnya menteri-menteri (lihat buku *Intisari Kebudayaan Brunei*, DBP, Brunei, 1988, hlm 24-26).

<sup>14</sup> PSK DPSS Hj Awg Yahya bin Hj Ibrahim, *Pehin-Pehin Manteri Ugama Sebagai "Institusi" Dan Peranan Mereka Dalam Pentadbiran Dan Pemerintahan Negara Di Brunei*, Brunei, 1412H, hlm 4 & 9.

<sup>15</sup> *Ibid*, hlm 13-14.

<sup>16</sup> Dr. Ustaz Hj Awg Mohd. Zain bin Hj Serudin, PJLPR DSU, *Op. Cit*, hlm 194-195.

<sup>17</sup> *Ibid*, hlm 195.

<sup>18</sup> PTI DPSS Hj Awg Abdul Aziz bin Awg Juned, *Islam Di Brunei*, Brunei, 1992, hlm 56.

<sup>19</sup> Buku *Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien*, DPB, Brunei, 1994, hlm 27.

<sup>20</sup> PTI DPSS Hj Awg Abdul Aziz bin Awg Juned, *Op. Cit*, hlm 69.

<sup>21</sup> Buku *Kenang-Kenangan Istiadat Pembukaan (Bangunan Baharu) JHEU*, Brunei, hlm 2 &7.

<sup>22</sup> *Ibid*, hlm 2.

<sup>23</sup> PTI DPSS Haji Awg Abdul Aziz bin Awg Juned, *Op. Cit*, hlm 70.

<sup>24</sup> Sekarang bergelar YDM Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

<sup>25</sup> Buku *Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei*, terbitan Pusat Dakwah Islamiah, hlm 9-10.

<sup>26</sup> *Ibid*, hlm 12.

<sup>27</sup> *Ibid*, hlm 15.

---

<sup>28</sup> Awg. Haji Muhammad Hadi bin Abdullah, *Tokoh Ugama Yang Disegani Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz*, dlm surat berita “al-Hadaf”, Jabatan Mufti Kerajaan, Brunei, Zulhijjah 1417 / April 1997, hlm 13.

<sup>29</sup> Siaran berita, Jabatan Perdana Menteri, (JPM/0/83) bertarikh 19 November 1994.

<sup>30</sup> Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, bab 40 (2).

<sup>31</sup> *Ibid*, bab 41 (1), (2) & (3).

<sup>32</sup> *Ibid*, bab 44 (1), (2) & (3).

<sup>33</sup> Beliau telah dianugerahkan gelaran “ Pehin Datu Seri Maharaja” pada 1 Februari 1968.

<sup>34</sup> Awg. Haji Muhammad Hadi bin Abdullah, *Op. Cit*, hlm 13 & 14.

<sup>35</sup> Beliau telah dianugerahkan gelaran Pehin Orang Kaya Setia Raja pada 21 Mei 1996 dan sekarang bergelar YDM POK Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Suhaili bin Haji Mohidin.